

97
SOALAN NO: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' HAJAH NORMALA BINTI ANDUL SAMAD

TARIKH: 7 MAC 2018

SOALAN:

Dato' Hajah Normala Binti Andul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan yang diambil terhadap 13 hotel di Semenanjung Malaysia yang menetapkan polisi larangan bertudung untuk pekerja wanita.

PR-1361-L05288

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Dalam menangani isu larangan pemakaian tudung di sektor perhotelan dalam negara, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah pun menandatangani Aku Janji dengan 3 persatuan hotel iaitu Persatuan Hotel Malaysia (MAH), *Malaysian Association of Hotel Owners* (MAHO) dan Persatuan Hotel Bajet Malaysia (MYBHA) pada 8 Februari 2018. Aku janji berkenaan membabitkan lebih 3,000 hotel di seluruh negara yang bernaung di bawah tiga persatuan itu. Menerusi Aku janji berkenaan, tiada *Standard Operasi Prosedur* (*SOP*) yang melarang wanita bertudung bekerja di barisan hadapan (*frontliner*) hotel.

2. Justeru, isu 13 hotel yang diadukan sebagai menetapkan polisi larangan bertudung untuk pekerja wanita diselesaikan memandangkan 13 hotel tersebut adalah ahli kepada 3 persatuan yang telah menerima Aku Janji berkenaan. Pada masa yang sama, pihak persatuan telah mengeluarkan memo kepada semua ahli-ahli hotel di bawah persatuan supaya akur dengan persetujuan yang telah di capai.

99
Tuan Yang Di Pertua,

3. Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, Kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) juga telah menjalankan sebanyak 1,017 Pemeriksaan Berkanun mulai bulan November 2017 sehingga Januari 2018 ke atas hotel dan hotel *resort* bagi mengenal pasti isu-isu polisi larangan bertudung. Hasil pemeriksaan yang dijalankan, pihak hotel telah diminta memberi komitmen secara bertulis agar tiada amalan larangan bertudung dilaksanakan kepada pekerja wanita Islam.
4. Kementerian ini juga telah mengambil inisiatif untuk membuat pindaan yang spesifik dalam Akta Kerja 1955 (Akta 265) bagi memasukkan satu peruntukan khas berhubung amalan diskriminasi di tempat kerja. Bagi tujuan ini, satu sesi libat urus dengan pihak-pihak yang berkepentingan telah dilaksanakan pada 1 Mac 2018 di Kementerian ini.
5. Di samping itu, satu Jawatankuasa telah diwujudkan bagi menangani isu diskriminasi di tempat kerja telah ditubuhkan dan dianggotai oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Perhubungan Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia (UNI-MLC), Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Persekutuan Majikan- Majikan Malaysia

100

(MEF) dan Persatuan Hotel Malaysia (MAH) serta ahli-ahli akademik dengan tujuan mengadakan perbincangan dan menyelaraskan, isu-isu diskriminasi secara *tripartite*.